27

# Silat: Persisi jamin akan atasi kelemahan

-2 JAN 1980

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi), memberi jaminan bahawa ia akan menyusun rangka kegiatan dan latihan silat tahun ini, dalam usaha mengatasi masalah kelemahan jasmani di kalangan para pesilat di sini.

Ini ditegaskan oleh setiausahanya, Encik Johari Uriff, bila diminta mengulas tentang adanya kelemahan jasmani di kalangan para pesilat yang menyertai Pesta Silat Kebangsaan 1979, di Panggung Negara pada 30 dan 31 Disember lalu.

Encik Johari menegaskan bahawa Persisi akan mengambil langkah-langkah membaiki keadaan ini dengan seberapa segera.

"Para pesilat yang kurang kukuh kebolehan jasmaninya berada dalam keadaan yang genting kerana tanpa aspek yang utama ini, mereka tidak dapat memainkan seni silat, secara bela diri atau olahraga, dengan sebaik-baiknya.

## Keutamaan

"Oleh itu, Persisi akan menyusun rangka kegiatan dan latihan bagi tahun ini untuk mempastikan masalah ini dihurai dengan jalan yang sebaik-baiknya.

"Rancangan kegiatan silat akan disusun bagi semua badan kerabat dengan memberikan keutamaan pada aspek latihan jasmani supaya setiap pesilat bukan saja tahu bermain silat dengan baik, tetapi cukup 'fit' untuk bersilat dengan baik sepanjang masa yang diberikan, misalnya 15 minit."

Ramai peserta dalam pesta itu gagal menunjukkan permainan yang baik dan yang diharap-harapkan kerana mereka menghadapi masalah kelemahan jasmani.

Masalah ini mengakibatkan sebahagian besar peserta, termasuk yang terpilih sebagai johan dan yang tidak memenangi sebarang hadiah, menjadi lemah sejurus selepas pertunjukan mereka dimulakan pada kedua-dua hari pesta itu.

Para penonton di Panggung Negara sendiri menyedari hakikat tersebut dan kebenaran ini disokong kuat oleh Encik Johari.

Sebahagian para peserta sudahpun kelihatan letih setelah mempersembahkan bunga-bunga silat mereka di awal acara sebelum memainkan pertarungan silat sepasuk. Dan mereka bertambah lemah kira-kira satu atau dua minit setelah memulakan permainan.

-2 JAN 1980

"Persisi akan segera mengadakan pertemuan membincangkan masalah ini kerana ia amat penting bagi kemajuan dan peningkatan mutu seni silat tanahair, dan kerana itu juga soal ini tidak boleh diabaikan oleh semua pesilat setempat," tegas Encik Johari.

Tambahan pula, jelasnya, Persisi mahukan para pesilat di sini cukup 'fit' supaya mampu membuktikan kebolehan mengambil bahagian dalam Seni Silat Olahraga di Sukan Asia Tenggara, yang akan diadakan di Manila pada 1981.

"Tidak ada gunanya mengambil bahagian dalam pertandingan besar jika keperluan asas dari segi kesihatan dan kecergasan jasmani ini tidak dapat dipenuhi secukupnya."

Encik Johari juga menekankan bahawa persiapan secara giat akan diadakan seberapa segera memandangkan Persisi akan menganjurkan Pesta Silat Tiga Negara (Singapura, Malaysia dan Indonesia) dalam bentuk olahraga.

"Pesta itu akan diadakan tahun ini dan akan memberi peluang kepada para pesilat setempat membuktikan kebolehan mereka," jelasnya.



● PARA pemenang, dua orang setiap regu, dengan piala masing-masing. Berdiri (dari kiri) ialah johan Pendekar M (Silat Cekak), Srikandi (Senigayung Pasak), Pendekar, Regu Terbaik Pendekar (Silat Cekak) yang juga memegang p Keseluruhan.

-2 JAN 1980

Duduk (dari kiri) ialah Tunas Pendekar (Silat Cekak) dan Srikandi Muda (Silat Kuningan). — Gambar-gambar oleh Fra Ong.